

Program Motivasi WM4D Bantu Masyarakat Sedar Hala Tuju Diri, Bangunkan Negeri dan Negara

Terakhir dikemaskini: Selasa, 25 September 2018 18:34 | [Cetak](#) | Jumlah paparan: 656

[Kongsi 37](#)
[Syorkan 37](#)
[Kongsi](#)
[Tweet](#)
[Share](#)


SELASA, 25 SEPTEMBER – Program Motivasi Menyeluruh di 4 Dimensi (WM4D) mampu membantu masyarakat menyedari hala tuju dan matlamat kehidupan untuk memajukan diri seterusnya membangunkan negeri dan negara.

Ketua Menteri Sabah, Datuk Seri Panglima Mohd. Shafie Apdal berkata, program itu yang merangkumi perbincangan menyeluruh berkaitan inspirasi, transformasi dan motivasi dalam empat dimensi iaitu “Emosi, Minda, Qalbu (kalbu) dan Rohani (EQMR)” adalah relevan untuk tujuan tersebut dan ke arah mencapai kesejahteraan sosial.

“Pada pengamatan saya, EMQR yang berada dalam diri setiap orang merupakan faktor utama yang mempengaruhi watak seseorang serta nilai murni dan keupayaan berinteraksi dan bertindak balas secara rasional dengan persekitaran yang mencabar ini.

“Ini amat penting bagi kerajaan negeri menggarap jaminan sosial yang lain seperti kebebasan beragama, perlindungan kepada hak asasi serta pelaksanaan undang-undang yang melindungi kepentingan dan menjamin keselamatan, kesejahteraan dan keharmonian semua rakyat serta ketenteraman awam,” katanya dalam teks ucapan perasmian program WM4D yang dibacakan Pembantu Menteri Pelajaran dan Inovasi Sabah, Mohammad Muhamirin di Auditorium Perpustakaan UMS, baru-baru ini.

Datuk Seri Mohd Shafie turut menyuarakan sokongan terhadap tajuk-tajuk yang dibentangkan pada program itu yang disifatkannya amat bertepatan dengan dasar Kerajaan Negeri terutamanya dalam aspek pendidikan yang holistik untuk membina generasi berbilang kaum yang berakhhlak mulia, saling sayang-menayangi dan menghormati antara satu sama lain, seterusnya memperteguhkan keharmonian kaum di negeri ini.

“Saya sebagai Ketua Menteri menyokong penuh program bertaraf dunia ini dan berharap dapat diperluaskan ke merata tempat pada masa akan datang,” ujarnya lagi.

Hampir 200 peserta menyertai Program WM4D itu yang merupakan anjuran gabungan kerjasama Jabatan Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah (UMS), Global Systematic Education (GSE) Sdn. Bhd. Kuala Lumpur dan Pertubuhan Islam Seluruh Sabah (USIA).

Terdahulu, Pengarah Global Systematic Education, Jualiazira Jamain dalam ucapannya berkata, program itu merupakan sebuah program motivasi menyeluruh untuk pengisian di empat tahap kesedaran dalam diri manusia iaitu emosi, minda, kalbu dan rohani.

“Masa kini masyarakat semakin berkecamuk khususnya yang melibatkan masalah dalaman emosi dan minda, maka program ini dirancang melalui tiga objektif utama iaitu mencetuskan inspirasi peserta, memberi garis panduan kepada peserta untuk mentransformasikan EMQR mereka dari negatif kepada positif dan memberi garis panduan kepada peserta agar mampu memotivasikan diri sendiri secara berterusan dan berkesan,” katanya.

Hadir sama, Timbalan Ketua Pustakawan Kanan UMS, Zawawi Tiyunin; mantan Ketua Pustakawan UMS pertama, Che Salmah Che Mehamood; dan mantan Ketua Pustakawan UMS kedua Dg. Rukiah Ag. Amit.